

## KEWAJIBAN BERMUAMALAT PATUH SYARIAH

27 JANUARI 2023 | 5 REJAB 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*,

Dalam Islam, muamalat ialah aktiviti yang melibatkan perhubungan manusia dengan manusia antaranya ialah urus niaga untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariah yang melibatkan ekonomi dan sosial Islam.

Sekarang, muamalat lebih kerap digunakan untuk aktiviti dalam sistem kewangan dan ekonomi Islam. Manusia diberikan kelonggaran untuk menghasilkan produk baru dalam jual beli, selagi mana tidak membabitkan elemen haram seperti riba dan penipuan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 275:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ  
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ  
مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ  
النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

**Yang bermaksud:** “*Mereka yang memakan (mengambil) riba tidak dapat berdiri tegak (ketika bangkit dari kubur mereka) melainkan berdiri seperti orang yang*

*kerasukan Syaitan. Keadaan mereka sebegitu kerana mereka mengatakan, " Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba," Padahal Allah menghalalkan jual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Bagi sesiapa yang telah sampai kepadanya larangan daripada Tuhannya lalu terus berhenti (daripada mengambil riba), maka apa-apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) menjadi miliknya dan urusannya(terserah) kepada Allah. Bagi orang yang terus mengulanginya pula (mengambil riba), mereka menjadi penghuni neraka dan mereka kekal di dalamnya."*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Antara produk baru dalam sistem muamalat moden ialah mata wang kripto. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 berpandangan harus hukumnya menjalankan urus niaga menggunakan mata wang digital seperti kripto sama ada sebagai perantara pembayaran, pemindahan wang dan aset simpanan, tetapi dengan syarat yang amat ketat dan diluluskan oleh Bank Negara.

Sebagaimana mata wang yang lain, mata wang digital hendaklah tidak digunakan sebagai bayaran kepada barangan, perkhidmatan dan aktiviti tidak patuh Syariah seperti pembelian dadah, pelacuran, perjudian dan pendanaan aktiviti keganasan serta penggubahan wang haram.

Umat Islam digalakkan untuk berhati-hati dengan mata wang kripto ini. Pastikan semua butiran produk diperincikan dengan tepat dan difahami, dan sekiranya ada keperluan untuk menggunakannya, semak status syariah syarikat perantara berkenaan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala**

Selain itu, terdapat juga sebahagian umat Islam yang terlibat dalam forex, atau perdagangan mata wang. Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, hukum perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara tunai melalui Platform Elektronik adalah haram kerana mengandungi unsur-unsur riba. Begitu juga jual beli dalam pemberian hutang yang tidak jelas ketika transaksi pertukaran dan penjualan mata wang yang tiada pegangan serta spekulasi yang melibatkan perjudian juga adalah haram.

Selain itu, ia juga tidak sah dari sisi undang-undang Kerajaan Malaysia mengikut Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, adalah satu kesalahan untuk seseorang individu di Malaysia membeli atau menjual mata wang asing atau melakukan apa-apa tindakan yang melibatkan, berhubung dengan, atau persediaan untuk, membeli atau menjual mata wang asing dengan mana-mana orang, selain

daripada peniaga berdaftar. Di bawah Akta ini juga, adalah satu kesalahan untuk seseorang itu membantu atau bersubahat dengan orang lain untuk membeli atau menjual mata wang asing dengan mana-mana orang, kecuali orang tersebut ialah peniaga yang dibenarkan.

Maka, umat Islam perlu menghentikan penglibatan dalam forex, kerana ia bercanggah dengan syarak dan undang-undang negara. Marilah kita bersama-sama memastikan wang kita suci dan bersih daripada riba dan gharar (penipuan), agar kehidupan kita sentiasa mendapat reda dan berkat daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 278:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ

**Yang bermaksud:** *“Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ